

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED FADZIL
[LEMBAH PANTAI]**

TARIKH : 7 DISEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan status terkini penyediaan vaksin COVID-19 bagi Malaysia, dan bilakah ia dijangka akan mula diberi kepada rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Izinkan saya menjawab soalan ini bersekali soalan yang telah menyentuh isu sama iaitu nombor 50 dan 51 hari ini, soalan daripada Yang Berhormat Ledang, Yang Berhormat Marang, Yang Berhormat Kota Raja, Yang Berhormat Kuala Kedah bertarikh 10 Disember serta soalan daripada Yang Berhormat Hang Tuah Jaya dan Yang Berhormat Hulu Selangor bertarikh 15 Disember.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Sebagaimana yang telah dimaklumkan sebelum ini, Malaysia meletakkan sasaran 70% daripada keseluruhan populasi negara bagi pembentukan imuniti kelompok (herd immunity) di bawah Pelan Imunisasi Kebangsaan bagi penyakit COVID-19.

NO. SOALAN : 6

Sehingga kini, Malaysia telah menandatangani dua perjanjian yang memberi jaminan bekalan vaksin sebanyak 30% daripada jumlah populasi negara. Perjanjian pertama adalah bersama COVAX Facility melalui Optional Purchase Arrangement yang ditanda tangani pada 23 November 2020 yang lalu yang menjamin bekalan vaksin sebanyak 10% populasi negara. Manakala perjanjian kedua pula adalah perjanjian pembelian awal dengan syarikat farmaseutikal Pfizer yang dimeterai pada 24 November 2020 bagi mendapatkan bekalan vaksin sebanyak 20% daripada populasi negara (12.8 juta dos).

Bagi mencapai baki sasaran sebanyak 40% lagi, Kerajaan masih di dalam proses perbincangan dan rundingan bersama syarikat-syarikat farmaseutikal pembangun vaksin COVID-19 yang lain.

Bagi tujuan imunisasi kepada rakyat pula, Kerajaan mensasarkan tempoh suku tahun pertama 2021 bagi memperoleh wajaran pertama bekalan vaksin COVID-19.

Suka ditegaskan, Kerajaan tidak akan berkompromi dalam soal keselamatan dan keberkesanan sesuatu vaksin. Keputusan akhir bagi penggunaan sesuatu vaksin di Malaysia hanya akan dibuat selepas melalui proses pendaftaran dan kelulusan daripada Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) di bawah Kementerian Kesihatan.

Sekian, terima kasih.